

PERBARISAN TAMAT LATIHAN DAN PEMAKAIAN PANGKAT PEGAWAI KADET GRADUAN 2017

 airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/2780-perbarisan-tamat-latihan-dan-pemakaian-pangkat-pegawai-kadet-graduan-2017

POR^T DICKSON, 16 Dis 17 - Seramai 51 pegawai kadet TUDM (41 lelaki dan 10 wanita) antara yang terlibat dalam perbarisan tamat latihan dan pemakaian pangkat di Akademi Tentera Darat (ATD) Kem Segenting, Port Dickson.

Acara perbarisan dan pemakaian pangkat ini merupakan gabungan acara Pegawai Kadet (PK) Graduan dari ketiganya perkhidmatan di dalam ATM iaitu TD, TLDM dan TUDM melibatkan seramai 201 PK (156 lelaki, 45 wanita).

Kesemua PK ini telah ditauliahkan dengan pangkat Leftenan Muda (Lt M) setelah berjaya menamatkan latihan asas selama 9 bulan mulai Mac hingga Disember lalu di pusat perkhidmatan masing-masing. Pegawai Rendah Kanan (PRK) Muhammad Syazwan bin Ahmad telah dipilih sebagai Pegawai Kadet Keseluruhan Terbaik TUDM dan akan berkhidmat di Cawang Materiel.

Acara perbarisan dan pemakaian pangkat ini telah disempurnakan oleh Panglima Angkatan Tentera, YM Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi bin Raja Mohamed Noor dan dihadiri oleh Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM dan Panglima-panglima Perkhidmatan yang lain.





